



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR**

BILANGAN 4/2011

Semua  
Rektor  
Dekan Fakulti  
Ketua Bahagian / Pusat / Unit  
Universiti Teknologi MARA

Y Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan

**PERMOHONAN PEMBELIAN PERALATAN SAINTIFIK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Peralatan Saintifik telah mula dilantik pada bulan Mac 2011.
2. Antara tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Peralatan Saintifik adalah untuk membuat penelitian dan semakan serta memperakukan setiap cadangan untuk pembelian semua Peralatan Saintifik yang bernilai RM500,000.00 dan ke atas.
3. Selain itu Jawatankuasa Peralatan Saintifik juga akan menyelaras data dan kegunaan setiap peralatan berkenaan bagi tujuan gunasama antara fakulti, kampus cawangan dan juga pihak luar yang berkaitan.
4. Sehubungan itu Jawatankuasa Peralatan Saintifik akan hanya menyemak dan meluluskan pembelian Peralatan Saintifik yang bernilai lebih dari RM500,000.00 sahaja. Manakala pembelian Peralatan Saintifik yang kurang dari RM500,000.00 adalah dibawahkuasa serta tanggungjawab pihak fakulti, cawangan atau bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**PROF DR ZAINI ABDULLAH**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Peralatan Saintifik

Rujukan : 100-BP (PTA 6/7/3)  
Tarikh : 5 OKTOBER 2011